



Melabur Demi Manfaat  
Yang Lebih Bermakna

Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf

Humanising Financial Services.



**Maybank**  
Asset Management

# Melabur Demi Manfaat Yang Lebih Bermakna

## Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf


Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf (“Dana”) merupakan dana aset campuran Islamik runcit yang bermatlamat untuk menjana pendapatan tahunan dengan membuat peruntukan Wakaf selaras dengan dasar pengagihannya.

Dana ini bertujuan terutamanya untuk memberi pendapatan dan kemungkinan pertumbuhan modal dalam jangka sederhana hingga jangka panjang dengan melabur dalam portfolio sukuk, ekuiti yang mematuhi Syariah dan/atau skim pelaburan kolektif Islamik serta menyalurkan sebahagian daripada pendapatan untuk tujuan Wakaf.

## Aturan Wakaf

### Apa itu Wakaf?

Penahanan aset atau harta secara Islamik yang dilaksanakan dengan amanah dan digunakan bagi tujuan kebajikan<sup>1</sup>.



<sup>1</sup>Sumber: Yayasan Waqaf Malaysia

\*Nota: Mengikut dasar agihan dan cara agihan yang dinyatakan di Bahagian 6.13 Prospektus ini.

Penafian: Risalah ini merupakan penerangan ringkas tentang Dana dan bukannya menyeluruh. Pelabur dinasihatkan agar meminta, membaca dan memahami Prospektus sebelum memutuskan untuk melabur. Prospektus bagi Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf bertarikh 3 Mei 2021 serta tambahannya jika mana-mana (“Prospektus”) telah didaftarkan/didepositkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”), yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya. Satu salinan Prospektus boleh diperolehi dari pejabat kami atau di cawangan pengagih kami. Sekali lagi pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus sebelum membuat pelaburan. Antaranya, Pelabur harus mengambil kira yuran dan caj yang dikenakan. Unit harga dan agihan berbayar, jika ada, boleh turun naik. Prestasi lampau Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk untuk prestasi di masa akan datang.

Kelulusan atau kebenaran daripada SC, atau pendaftaran, penyerahan atau penghantaran Prospektus tidak menjadikan dan tidak juga menunjukkan bahawa SC telah menyetujui atau mengesahkan Dana tersebut atau iklannya, dan tidak juga menyemak risalah ini.

# Mengapa Labur dalam Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf?



## SUMBANGAN WAKAF TAHUNAN

Caruman sasaran minimum sebanyak 2.5% setahun<sup>2</sup> kepada Yayasan Waqaf Malaysia.



## PENYUCIAN HARTA KEKAYAAN

Menawarkan platform untuk menyucikan harta kekayaan anda menerusi sumbangan Wakaf.



## WAKAF DIPERMUDAHKAN

Agihan pendapatan diperuntukkan secara automatik antara pelabur dan Wakaf mengikut dasar agihan yang telah ditentukan terlebih dahulu.



## STRATEGI PELABURAN YANG FLEKSIBEL & MELINDUNGI

Peruntukan aset yang dinamik ke ekuiti Sukuk dan yang patuh Syariah bagi mendapat sumbangan yang konsisten.



## CAJ JUALAN YANG RENDAH

Caj Jualan Serendah 1%.

<sup>2</sup>Kadar caruman Wakaf sebanyak 50% dengan pembayaran serendah 2.50% setahun sebelum pelabur menerima bahagian mereka, yang mana lebih tinggi. Agihan pendapatan dibayar daripada keuntungan yang diperolehi, jika ada.

## Ilustrasi Agihan Pendapatan

KADAR AGIHAN PENDAPATAN YANG DIISYTIHARKAN SETAHUN	AGIHAN PENDAPATAN	CONTOH JELAS	
Di bawah 2.50%	Semua agihan pendapatan hendaklah disalurkan ke Wakaf	 100% daripada pendapatan	 0% daripada pendapatan
Antara 2.50% hingga 4.99%	Pelabur hendaklah mengekalkan baki sebagai agihan pendapatan selepas sumbangan Wakaf sebanyak 2.50%	 2.50% daripada sumbangan Wakaf minimum	 X% Baki pendapatan setelah Wakaf
5.00% atau lebih tinggi	Pelabur hendaklah mengekalkan 50% daripada agihan pendapatan	 50% daripada pendapatan	 50% daripada pendapatan

## Mengenai Yayasan Waqaf Malaysia

Yayasan Waqaf Malaysia (“YWM”) merupakan entiti Wakaf kebangsaan dan ditubuhkan secara rasmi pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah [Pemerbadanan] 1952 melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri. Ia ditubuhkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri.

YWM bertanggungjawab membantu, menyokong dan menawarkan khidmat nasihat kepada Majlis-Majlis Agama Islam Negeri berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan dan rombakan semula aset dan harta Wakaf melalui struktur dan instrumen tradisional dan kontemporari yang patuh Syariah.

Dapatkan maklumat lanjut berkenaan YWM dan kemajuan projek-projek Wakaf daripada [www.ywm.gov.my](http://www.ywm.gov.my)

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Pengurus Hubungan anda atau Pasukan Khidmat Pelanggan Maybank Asset Management di talian +603 2297 7888, atau layari [www.maybank-am.com](http://www.maybank-am.com)



# DATA PENTING DANA

Nama Dana	Dana Maybank Mixed Assets-I Waqf
Tarikh Pelancaran	3 Mei 2021
Kategori Dana	Aset Bercampur (Islamik)
Jenis Dana	Pendapatan dan Pertumbuhan
Pengurus Dana	Maybank Asset Management Sdn. Bhd. ("MAM" atau "Pengurus")
Pemegang Amanah	RHB Trustees Berhad ("Trustee")
Pengurus Pelaburan Luar ("EIM")	Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd ("MIAM")
Tahun Kewangan Berakhir	31 Mei
Mata Wang Asas	MYR
Harga Tawaran Awal	MYR Kelas A RM0.50

**Matlamat Pelaburan** Dana ini bertujuan terutamanya untuk menawarkan pendapatan dan kemungkinan pertumbuhan modal dalam jangka masa sederhana ke jangka masa panjang dengan melabur dalam portfolio sukuk, ekuiti patuh Syariah dan/atau skim pelaburan kolektif Islamik dan menyalurkan sebahagian daripada pendapatan untuk tujuan Wakaf. *Sebarang perubahan ke atas matlamat pelaburan Dana memerlukan kelulusan Pemegang Unit.*

**Profil Pelabur** Dana ini sesuai untuk pelabur yang:

- ingin menyalurkan pendapatan untuk tujuan Wakaf;
- ingin melabur dalam pelbagai portfolio aset yang mematuhi prinsip Syariah; dan
- mempunyai peluang pelaburan jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang

**Penanda Aras** Kadar deposit Islamik 12-bulan Maybank + 2.00%

**Dasar & Strategi Pelaburan** Dana ini bertujuan untuk mencapai matlamat pelaburan antara 30% hingga 70% daripada nilai aset bersih ("NAB") dalam sukuk berdominasi MYR dan antara 30% hingga 70% daripada NABnya dalam ekuiti patuh Syariah serta sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah. Sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah di sini termasuk waran patuh Syariah, terbitan hak, Resit Depositari Amerika patuh Syariah ("RDA") RDA dan Resit Depositari Global Patuh Syariah ("RDGS"). Dana ini boleh juga melabur sehingga 20% daripada NAB Dana dalam skim pelaburan kolektif Islamik termasuk dana amanah pelaburan hartanah Islamik ("APHI") dan dana dagangan tukaran Islamik ("DDTI"). Sehingga 20% daripada NAB Dana akan dilabur ke dalam aset cair Islamik seperti instrumen pasaran kewangan Islamik, deposit Islamik dan skim pelaburan kolektif Islamik yang melabur di dalam instrumen pasaran kewangan Islamik dan/atau deposit Islamik.

Dana ini boleh melabur secara serantau atau di seluruh dunia dalam pasaran di mana pihak berkuasa pengawal seliaan merupakan anggota biasa atau bersekutu Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti ("IOSCO"). Bagi mengawal pendedahan mata wang asing, EIM boleh melindungi risiko mata wang sepenuhnya atau sebahagiannya menggunakan kontrak depan.

Jenis Aset	% daripada dana nilai aset bersih
Sukuk	30% hingga 70% daripada Dana nilai aset bersih
Ekuiti patuh Syariah serta sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah <sup>1</sup>	30% hingga 70% daripada Dana nilai aset bersih
Skim pelaburan kolektif Islamik	Sehingga 20% daripada Dana nilai aset bersih
Aset cair Islamik <sup>2</sup>	Sehingga 20% daripada Dana nilai aset bersih

<sup>1</sup> Sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah termasuk tetapi tidak terhad kepada waran, terbitan hak patuh Syariah; <sup>2</sup> ADR patuh Syariah dan GDR patuh Syariah; aset cair Islamik merangkumi deposit Islamik, instrumen pasaran kewangan Islamik dan skim pelaburan kolektif Islamik yang melabur dalam instrumen pasaran kewangan Islamik dan/atau deposit Islamik.

**Dasar Agihan** Tertakluk kepada ketersediaan pendapatan, Dana ini akan mengagihkan pendapatan sekurang-kurangnya secara tahunan dengan cara berikut:

	Dasar Agihan Pendapatan
Sekiranya Dana mencapai hasil agihan kurang daripada 2.50% setahun	Segala agihan pendapatan yang diisytiharkan akan diagihkan sebagai Sumbangan Wakaf <sup>3</sup> dan dibayar kepada Yayasan Waqaf Malaysia.
Sekiranya Dana mencapai hasil agihan antara 2.50% - 4.99% setahun	Agihan pendapatan yang diisytiharkan berkenaan dengan 2.50% pertama setahun akan diagihkan sebagai Sumbangan Wakaf dan dibayar kepada YWM; Baki agihan pendapatan yang diisytiharkan akan dilabur semula sebagai Unit tambahan dalam Dana untuk Pemegang Unit.
Sekiranya Dana mencapai hasil agihan sebanyak 5.00% setahun dan lebih	50% daripada agihan pendapatan diisytiharkan diagih sebagai Sumbangan Wakaf dan dibayar kepada YWM. 50% daripada agihan pendapatan yang diisytiharkan akan dilabur semula sebagai Unit tambahan dalam Dana untuk Pemegang Unit.

<sup>3</sup> "Sumbangan Wakaf" bermaksud bahagian khusus daripada agihan pendapatan tahunan (jika ada) Dana dalam bentuk wang tunai untuk tujuan wakaf.

Jumlah Pelaburan Awal Minimum <sup>^</sup>	MYR Kelas A RM100
Jumlah Pelaburan Tambahan Minimum <sup>^</sup>	RM100
Pegangan Unit Minimum <sup>^</sup>	100 unit
Caj Jualan*	Sehingga 1.0%
Caj Penebusan	Tiada
Yuran Pengurusan Tahunan	Sehingga 1.20% setahun daripada NAB Dana
Yuran Tahunan Pemegang Amanah	Sehingga 0.05% setahun daripada NAB Dana (tidak termasuk yuran dan caj penjaga asing)
Penebusan Minimum Unit <sup>^</sup>	Tiada, dengan syarat-syarat minimum baki dipenuhi
Bayaran Hasil Penebusan	Dalam tempoh 10 hari kalendar daripada tarikh permintaan penebusan diterima

Nota: \*Pelabur boleh berunding untuk mendapat caj jualan lebih rendah; <sup>^</sup>Atau bilangan unit lain yang lebih rendah sebagaimana yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa. Pengagih kami mungkin mempunyai pelaburan awal minimum yang lebih rendah dan/atau pelaburan tambahan daripada yang tersebut di atas bagi pelaburan yang dibuat melalui platform digital mereka tertakluk kepada terma dan syarat pelaburan mereka.